

# Kempen tegur masyarakat pengotor dilancar

**Johor Bahru:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan melancarkan kempen khusus 'mengajar' anggota masyarakat pengotor yang suka membuang sampah merata-rata menerusi gerakan ambil gambar dan papar:

Menerusi gerakan dinamakan 'Saya Berani Menegur' yang akan dilancarkan bulan depan itu, anggota bomba komuniti dan sukarela akan digerakkan untuk ambil gambar dan memaparkan penduduk yang gemar membuang sampah merata-rata, terutama di kawasan kediaman Program Perumahan Rakyat (PPR).

Malah, orang ramai juga dialu-alukan untuk mengambil gambar mereka yang pengotor terbabit.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata langkah itu bagi meng-

ngikis stigma dan label pengotor yang sering dikaitkan masyarakat terhadap penduduk di kawasan PPR seluruh negara.

"KPKT amat serius memastikan kawasan persekitaran kediaman, terutama PPR selepas ini bersih sepanjang masa.

"Malah kita sudah melancarkan Program Eko Komuniti #trashtocash Selasa lalu, bagi mengubah tabiat pengotor segelintir penduduk di situ.

"Kita bercadang menggerakkan gerakan baharu iaitu mengambil gambar dan memaparkan tabiat pengotor segelintir penduduk ini yang kemudian di tampal di kawasan tumpuan penduduk, termasuk di papan notis PPR.

"Kita akan gerakan anggota bomba komuniti dan sukarela malah penduduk sendiri boleh ambil gambar golongan degil ini dan paparkan tabiat mereka membuang sampah merata-rata," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Program Eko Komuniti #trashtocash di PPR Desa Mutiara, Tebrau, di sini, semalam.

Selasa lalu, KPKT melancarkan Program Eko Komuniti bagi menggalakkan pembabitkan komuniti setempat terutamanya penduduk PPR dalam menjaga kebersihan awam dan mengutamakan kesihatan.

Selain itu, ia juga membantu meningkatkan kesedaran komuniti mengenai kepentingan peng-



Zuraida melancarkan Program Eko Komuniti #trashtocash di PPR Desa Mutiara, Tebrau, di Johor Bahru, semalam. (Foto Zain Ahmed /BH)

singan sampah di samping membantu menjana pendapatan sampingan dengan sampah yang dikitar semula.

PPR Bagan Jaya menjadi lokasi pertama pelancaran program berkenaan manakala pelancaran di PPR Desa Mutiara, Tebrau, Johor

diadakan semalam.

Sementara itu, Zuraida berkata, langkah ambil gambar dan papar penduduk pengotor itu dilaksanakan berikutan 60 peratus rakyat negara ini dikenal pasti tidak membuang sampah ke dalam tong sampah.

## Ibadat & Fadilat

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata; Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa dan harta kamu, tetapi Allah melihat kepada hati dan amalan kamu." (Hadis riwayat Muslim).

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:49	1:06	4:27	6:59	8:12
Alor Setar	5:49	1:06	4:27	7:00	8:12
P. Pinang	5:48	1:06	4:27	7:01	8:14
Ipoh	5:44	1:04	4:25	7:00	8:12
Kuala Lumpur	5:40	1:01	4:23	6:59	8:11
Shah Alam	5:40	1:01	4:23	6:59	8:11
Johor Bahru	5:29	12:52	4:14	6:52	8:05
Kuantan	5:34	12:55	4:17	6:54	8:06
Seremban	5:51	1:15	4:26	7:19	8:29
Bandar Melaka	5:36	12:58	4:21	6:58	8:10
Kota Bharu	5:45	12:58	4:20	6:53	8:01
K. Terengganu	5:36	12:54	4:16	6:50	8:02
Kota Kinabalu	4:45	12:03	3:24	5:57	7:10
Kuching	5:04	12:27	3:50	6:27	7:40